



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

DBKL BERI RUANG SUARA KANAK-KANAK, PERKASA KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA UNTUK SEMUA

Bandar yang selamat, inklusif dan mudah diakses perlu mengambil kira pengalaman semua penggunanya, termasuk kanak-kanak.

Sehubungan itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama UNICEF Malaysia menganjurkan **Program Town Hall YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Bersama Kanak-Kanak Kuala Lumpur** di Perpustakaan Kuala Lumpur sebagai ruang selamat dan inklusif untuk kanak-kanak berkongsi pengalaman serta mengemukakan cadangan berkaitan persekitaran dan perkhidmatan bandar.

Program ini melibatkan kanak-kanak daripada pelbagai sekolah, kawasan dan latar belakang, termasuk komuniti berpendapatan rendah, perumahan awam serta kanak-kanak berkeperluan khas. Penglibatan tersebut memastikan pandangan yang dikumpulkan mencerminkan pengalaman sebenar kanak-kanak sebagai pengguna ruang bandar.

Menerusi **Child Discovery Walk atau Audit Berjalan Kaki**, peserta menelusuri Dataran Merdeka, Bangunan Sultan Abdul Samad, River of Life, Medan Pasar dan Perpustakaan Kuala Lumpur untuk menilai sendiri aspek keselamatan, keselesaan dan kebolehcapaian.

Pemerhatian tersebut kemudiannya dibawa ke **Bengkel Konsultasi Kanak-Kanak** melalui pemetaan visual dan aktiviti pemikiran reka bentuk. Antara perkara yang diberi perhatian ialah ruang awam, keselamatan, laluan pejalan kaki, mobiliti, kebolehcapaian, rekreasi, kebersihan, kemudahan dan perkhidmatan bandar.

Pada kemuncak program, wakil kanak-kanak membentangkan isu serta cadangan yang telah dirumuskan kepada **YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dan Datuk Bandar Kuala Lumpur** untuk mendapatkan maklum balas secara langsung daripada kepimpinan.

Pandangan yang dikemukakan tidak terhenti pada sesi libat urus. Dapatan program akan didokumentasikan dan dipadankan dengan bidang tanggungjawab DBKL serta agensi berkaitan sebagai input kepada tindakan susulan dan penambahbaikan kemudahan serta perkhidmatan bandar.

Pelaksanaan program ini selaras dengan keputusan **Mesyuarat Pasca Kabinet Jabatan Wilayah Persekutuan pada 5 Jun 2026** berkaitan pelaksanaan bandar mesra hak asasi di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, yang turut memberi perhatian kepada keperluan kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya.

Usaha ini mencerminkan komitmen Kerajaan dan DBKL untuk memastikan suara kanak-kanak turut dipertimbangkan dalam proses perancangan bandar. Pendekatan tersebut memperkukuh pembangunan Kuala Lumpur sebagai **Bandar Raya untuk Semua** yang lebih selamat, inklusif, mudah diakses dan mesra kanak-kanak.

– TAMAT –

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
17 Ogos 2026
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my

